

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**PENETAPAN HUKUMAN BAGI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI  
MALAYSIA: ANALISIS PERBANDINGAN MENGIKUT  
UNDANG-UNDANG DAN FIQH**

**[PENALTY FOR SYARIAH CRIMINAL OFFENSES IN MALAYSIA:  
A COMPARATIVE ANALYSIS BY LAW AND FIQH]**

AQILAH JUNAIDI<sup>1</sup>  
SITI AISYAH SAMUDIN<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: mdazrien@um.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pengajaran dan pemudahcaraan secara maya dan melihat perbezaan penerimaan antara guru bahasa Arab yang mengajar sekolah di bandar dan guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah luar bandar. Responden kajian ini terdiri daripada 42 orang guru bahasa Arab sekolah menengah kebangsaan di seluruh negeri di Malaysia yang dipilih secara rawak. Instrumen kajian yang digunakan adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi 35 item soalan dan menggunakan skala Likert. Dapatan kajian dianalisis terlebih dahulu menggunakan analisis deskriptif menggunakan nilai min untuk melihat tahap penerimaan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya. Hasil analisis secara keseluruhannya menunjukkan penerimaan guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya analisis Nonparametrik (Man-Whitney Test) dijalankan untuk melihat perbezaan penerimaan guru bahasa Arab di bandar dan juga guru bahasa Arab luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa Arab secara maya. Hasil menunjukkan secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang ketara antara penerimaan guru bandar dan luar bandar terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan secara maya.

Kata Kunci: Penerimaan, guru, Sekolah Menengah Kebangsaan, pembelajaran, bahasa Arab, secara maya.

**Abstract**

This study aimed to identify secondary school Arabic language Teacher's acceptance towards online learning and looked the different between urban teachers and rural teahers about the acceptance towards online learning. The respondent of this study randomly selected of 42 Arabic

language Teacher's in secondary schools in Malaysia. Instrument used are made up of a set of questionnaire, contains 35 items using Likert scale. The findings were analyzed using descriptive statistics which includes mean and standard deviation to see the secondary school Arabic language Teacher's acceptance towards online learning. Analysis result showed secondary school Arabic language Teacher's acceptance towards online learning were at high simple stage. Then analysis nonparametric were using to look the different between urban teachers and rural teachers about the acceptance towards online learning. Analysis result showed that no different between urban teachers and rural teachers about the acceptance towards online learning.

**Keywords:** Acceptance, teacher, secondary school, learning, Arabic language, online.

**Cite as:** Aqilah Junaidi & Siti Aisyah Samudin. 2022. Penetapan Hukuman bagi Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis Perbandingan Mengikut Undang-undang dan Fiqh [Penalty for Syariah Criminal Offenses in Malaysia: A Comparative Analysis by Law and Fiqh]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 324-346.

## PENGENALAN

Undang-undang Jenayah Islam telah pun bertapak dan dilaksanakan sebagai suatu kanun rasmi di Tanah Melayu sebelum zaman penjajahan barat lagi. Buktinya adalah melalui Hukum Kanun Melaka yang merupakan undang-undang terawal yang diguna pakai ketika itu, terkandung unsur-unsur Islam. Selain itu, Undang-undang Adat, Undang-undang Kedah dan Undang-undang Pahang juga mempunyai ciri yang sama. Sumber kedaulatan dan ciri-ciri kedaulatannya merupakan perlembagaan Tanah Melayu oleh kesultanan kerajaan masing-masing (Azam & Akhir, 1986). Hukum-hakam dan perundangan berkaitan perkahwinan, urusan jual beli, jenayah serta muamalat antara isi kandungan yang terdapat dalam naskhah Undang-undang Adat, Undang-undang Kedah dan juga Undang-undang Pahang. Hukum Kanun Melaka telah mempengaruhi sebahagian besar empayar di bawah wilayah-wilayahnya sehingga diimplementasikan sebagai asas perundangan negeri (Mahmud Saedon, 1992).

Kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu kemudiannya telah melenyapkan sistem terdahulu dan perubahan ketara yang menyebabkan sistem yang diperkenalkan mereka adalah mengikut sistem perundangan barat (Ahmad Ibrahim, 1981). Undang-undang yang dibawa oleh Inggeris ini telah memberi impak besar, terutamanya Undang-undang Jenayah Islam. Limitasi sistem perundangan Islam yang hanya khusus kepada Orang Islam sahaja, menyebabkan undang-undang berkaitan jenayah, muamalat dan seumpamanya berpaksikan Undang-undang yang dibawa oleh Inggeris. Akibatnya Mahkamah Syariah mempunyai skop yang terbatas dan Undang-undang Sivil adalah lebih meluas pemakaiannya. Peranan institusi perundangan Syariah adalah kecil berbanding perundangan Inggeris (Azizan, 1980).

Dengan perbezaan pandangan fiqh yang dibuat melalui ijтиhad ulama-ulama yang mana kepakaran mereka dalam menetapkan sesuatu hukum berdasarkan hujah-hujah mereka yang mendasari dalil-dalil. Khususnya, perkembangan ilmu fiqh ini memberikan penyelesaian dalam perkara-perkara ruang lingkup keagamaan dan juga aspek kehidupan manusia. Nas-nas syarak yang dijadikan panduan yang bersifat dalil-dalil yang disepakati iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan juga al-Qiyas serta daripada dalil-dalil yang tidak disepakati seperti Istihsan, Masalah

al-Mursalah, Qawl al-Sahabiy, Saddu al-Zarai', al- 'Uruf, dan Syar'u Man Qablana (Ibn Manzur, t.t.). Perbezaan hukum pandangan dalam membahaskan soal hukum adalah mempunyai objektif yang sama, menghindarkan daripada perdebatan awam dalam salahfaham mengenai hukum sesuatu perkara di samping dapat menjelaskan dan menyelesaikan isu-isu tertentu yang tidak mempunyai dalil khusus secara terus berkenaan hukum sesuatu perkara itu (Ibn Manzur, t.t.). Dengan meraikan perbezaan pandangan ini, isu perundangan mengenai kesalahan dan hukuman terhadap sesuatu kesalahan itu serta kesan pelaksanaan itu turut dibentangkan dan boleh dijadikan panduan. Sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud: "Kemudian Kami jadikan kamu (wahai Muhammad) berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui". [al-Baqarah: 208]55

Menerusi firman Allah di dalam surah al-Baarah ayat 55 ini secara jelas membuktikan prinsip perundangan Islam adalah dibentuk berdasarkan saduran dan landasan agama dalam melindungi masyarakat daripada perlakuan buruk dan menjamin hak-hak individu dan juga masyarakat secara am.

## KONSEP PERUNDANGAN JENAYAH ISLAM MENGIKUT FIQH

Kesalahan jenayah Syariah adalah terletak di bawah perundangan Islam. Perundangan Islam merupakan satu sistem perundangan yang matlamatnya adalah untuk mencapai asas kemaslahatan dalam kehidupan berpandukan sumber yang telah ditetapkan oleh syariat iaitu al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas. Syariah dijadikan tunjang utama dalam sistem kehidupan berteraskan agama Islam. Syariat Islam mengandungi ciri yang berbeza dari segi akhlak dan akidah. Peranan syariat Islam adalah lebih cenderung kepada praktikaliti kehidupan dalam ruang lingkup ibadah, muamalat, munakahat dan jinayāt (Abdul Rahman Abdulah 1997). Namun, kaedah pelaksanaan masih selari dengan prinsip yang sama demi mencapai kemaslahatan.

Kemaslahatan perundangan Islam adalah terbahagi kepada dua bentuk iaitu berbentuk tetap dan yang berubah mengikut kesesuaian tempat, keadaan dan komuniti. Maslahah bentuk pertama adalah bersifat mengharamkan sesuatu perbuatan itu seperti jenayah zina, murtad dan membunuh. Maslahah bentuk yang kedua adalah hukuman yang mengikut adat dan kebiasaan mengikut sesebuah tempat seperti penentuan kadar mahar dan pemberian zakat yang berbeza mengikut negara, negeri maupun daerah (al-Buti, 1982).

Lima dasar perundangan Islam yang menjadi matlamat asas sistem ini lahir adalah menjaga kesucian agama Islam, menjaga nyawa, menjaga akal fikiran, menjaga keturunan dan menjaga harta benda. Lima dasar inilah dikenali sebagai maqasid syariah. Perundangan Islam adalah hasil penelitian dan pemahaman kepada kelima-lima dasar ini agar tiada yang keciciran, terbeban dan tersakiti kerana penetapan hukuman dilakukan demi mendidik dan menjadikan komuniti yang terdidik dalam sesebuah negara.

## SUMBER PERUNDANGAN ISLAM

Perundangan Islam adalah bersumberkan sumber primer dan juga sekunder. Al-Quran dan al-Sunnah adalah sumber primer. Manakala sumber sekunder diambil daripada beberapa sumber selain ijmak dan qiyas, iaitu seperti istihsan, masālih al-mursalah, ‘uruf dan lain-lain sumber lagi. Pemerhatian diberikan terhadap sumber-sumber yang digunakan bagi penetapan hukuman jenayah Islam, rangkuman perbahasan jenayah Islam menurut fiqh perlu didalami. Dalam memastikan manfaat sejagat tercapai dengan menjaga sistem kehidupan khususnya perundangan, diteliti takrifan al-jinayāt atau al-jarīmah yang diberikan oleh al-Mawardi sebagai larangan syarak yang ditegah oleh Allah dengan hukuman had atau takzir (al-Mawardi, 1989). Simulasi perundangan jenayah Islam mencakupi segala jenis hukuman jenayah Islam dan kesalahannya serta kaedah perbicaraan dan pembuktian bagi setiap kesalahan yang ditetapkan tersebut. Konteks jenayah Islam adalah amat berbeza dengan jenayah sivil. Fuqaha’ membahaskan al-jinayāt atau al-jarīmah ini dengan istilah lazim yang khusus iaitu hudud, qisas dan takzir. Justeru, penerangan yang akan dibawakan dipecahkan kepada tiga komponen kesalahan tersebut.

## HUDUD

Hudud berasal dari perkataan Arab ‘al-had’ yakni kata nama yang bererti pencegahan (Ahmad Fathi, 1983). Namun penggunaan istilah hudud diterapkan oleh pencegahan dalam konteks jenayah Islam ini cenderung kepada tindakan mencegah kesalahan-kealahan jenayah Islam dengan hukuman yang ditetapkan. Istilah syarak pula dibahaskan oleh ulama-ulama silam sebagai hukuman-hukuman yang ditentukan kadar dan bentuk kesalahannya sebagaimana yang telah ditetapkan syarak (Abdul Kadir, 1992). Kesalahan-kesalahan jenayah hudud adalah seperti berikut:

Kesalahan	Hukuman
Zina	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaku yang belum berkahwin (<i>ghair muhsan</i>) – 100 kali sebatan dan dibuang daerah(diasingkan) selama setahun.</li> <li>Pelaku yang telah berkahwin (<i>muhsan</i>)- direjam dengan batu sehingga mati</li> </ol>
<i>Qazaf</i>	Pelaku disebat sebanyak 80 kali dan hilang penyaksian
Minum Arak	Pelaku dikenakan 80 kali sebatan
Mencuri	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaku buat kesalahan pertama kali- dipotong pergelangan tangan kanannya.</li> <li>Pelaku yang mengulangi kesalahan- dipotongtangan kirinya dan jika masih mengulangi diikuti pemotongan kaki kanan dan seterusnya.</li> </ol>
Merompak ( <i>hirābah</i> )	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaku yang tidak mengambil harta dan tidak membunuh- dikenakan hukuman buang daerah</li> <li>Pelaku yang merompak sahaja- dipotong pergelangan anggota secara silang tangan kanandan kaki kiri)</li> <li>Pelaku yang merompak dan membunuh- dikenakan hukuman bunuh secara silang.</li> </ol>

---

Murtad	Pelaku dikenakan hukuman bunuh dan hartanya dirampas jika masih enggan bertaubat setelah dinasihati
Memberontak	Pelaku dikenakan hukuman denda <i>(bugah)</i>

---

## QISAS

Qisas dari segi bahasa bermakna memotong. Istilah syarak didefinisikan sebagai hukuman berbentuk bunuh balas atas kematian atau kecederaan terhadap anggota seseorang secara sengaja yang menyebabkan seseorang itu kehilangan anggotanya atau membawa kecederaan anggotanya (Ibn Kathir, 1998). Hukuman lain di bawah kesalahan kategori qisas ini adalah hukuman diyat, hukuman alternatif jika mangsa atau keluarga mangsa telah memaafkan pelaku atau jika tidak cukup pembuktian untuk menjatuhkan hukuman bunuh balas atau berlaku kesilapan dari sudut teknikal. Diyat merupakan hukuman dalam bentuk bayaran denda kepada mangsa bagi pembunuhan, kehilangan atau kecederaan anggota sama ada secara sengaja, separa sengaja atau yang berlaku secara tidak sengaja.

Mafhumnya: Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qisas berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba, dan wanita dengan wanita. Maka barang siapa yang mendapat suatu pemaafan dari saudaranya, hendaklah (yang memaafkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi maaf) membayar (diyat) kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barang siapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya seksa yang sangat pedih.

Berdasarkan dalil ini, terdapat ulama membahagikan kepada tiga kategori jenis pembunuhan di bawah hukuman kategori qisas (Ghani, 1997).

i. Pembunuhan secara sengaja (qatl al-‘amdu)

Pembunuhan secara sengaja ini adalah pembunuhan yang mukallaf benar-benar memang berniat untuk mematikan seseorang itu dengan apa jua cara menggunakan alatan atau bahan seperti racun atau semata-mata oleh perlakuan fizikalnya seperti mencekik. Pembunuhan akan disabitkan dengan hukum balas bunuh (qisas). Waris kepada si mati mempunyai pilihan untuk melakukan hukuman bunuh balas kepada pembunuhan atau menerima kemaafan pembunuhan dan pembunuhan yang diberi kemaafan daripada waris si mati dikehendaki membayar diyat.

ii. Pembunuhan separa sengaja (qatl syibhul ‘amdu)

Pembunuhan separa sengaja atau juga sinonim dengan nama lainnya pembunuhan menyerupai sengaja. Pembunuhan separa sengaja ini diberi tafsiran oleh Imam Syafie sebagai satu bentuk

pembunuhan yang berlaku dengan perbuatan memukul yang dilakukan dengan niat, tetapi kesan pukulan membawa kepada kematian yang bukan niat asal pelaku untuk menyebabkan kematian tersebut. Mazhab Hanafi menafsirkan pembunuhan bentuk ini sebagai pembunuhan yang berlaku dengan menggunakan alat selain alatan tajam yang boleh membawa kepada kematian, seperti tongkat, botol dan lain-lain alatan lagi.

Terdapat satu hadis Rasulullah S.A.W. yang diterjemahkan berbunyi: “ketahuilah bahawa pembunuhan serupa sengaja dengan cemeti, tongkat atau batu, padanya diyat berupa seratus ekor unta dan empat puluh ekor daripadanya unta betina yang bunting berumur dalam lingkungan enam hingga sembilan tahun.

Sebahagian ulama berpendapat jika tidak dapat dibayar dengan unta seperti mana yang dijelaskan, perlu membuat bayaran menyamai jumlah unta yang telah disebutkan.

### iii. Pembunuhan secara tidak sengaja (qatl al-khata’)

Pembunuhan secara tidak sengaja adalah pembunuhan yang berlaku secara salah, berlakunya kematian, tetapi perbuatan pelaku bukan berniat untuk membunuh mangsa. Hukuman pembunuhan secara tidak sengaja ini dijelaskan seperti dalil di bawah:

Mafhumnya: Dan tidak layak bagi seorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain), kecuali karena tersalah (tidak sengaja), dan barang siapa membunuh seorang mukmin karena tersalah (hendaklah) ia memerdekaan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diyat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh itu), kecuali jika mereka (keluarga terbunuh) bersedekah. Jika ia (si terbunuh) dari kaum (kafir) yang ada perjanjian (damai) antara mereka dengan kamu, maka (hendaklah si pembunuh) membayar diyat yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh) serta memerdekaan hamba sahaya yang beriman. Barang siapa yang tidak memperolehnya, maka hendaklah ia (si pembunuh) berpuasa dua bulan berturut-turut untuk penerimaan taubat dari pada Allah. Dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Kehilangan dan kecederaan anggota tubuh juga disediakan hukuman berupa qisas dan diyat. Kesalahan yang dikenakan dengan hukuman qisas bagi anggota tubuh pada bahagian sendi-sendi dan dapat dipastikan anggota yang mana mengalami kecederaan atau kehilangan seperti jari-jemari tangan dan kaki, telinga, hidung, gigi, mata, tangan dan kaki. Hukuman qisas dijatuhkan jika pelaku sengaja menyebabkan kehilangan atau kecederaan anggota tertentu dengan membalaik kecederaan atau kehilangan anggota sebagaimana yang diperlakukan ke atas mangsa. Anggota yang tidak dapat dikenal pasti akan dikenakan bayaran diyat mengikut kadar yang munasabah dengan penderitaan dialami mangsa.<sup>100</sup> Diyat juga dikenakan apabila hukuman qisas tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu seperti pelaku yang sememangnya merupakan orang kurang upaya atau cacat anggota atau pelaku yang tanpa niat mencederakan atau menyebabkan kehilangan anggota.

## **TAKZIR**

Takzir adalah hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak. Fuqaha' memberi definisi takzir sebagai satu pembalasan yang tidak ditentukan kadar kewajipan ke atas seseorang itu untuk dihukum, segalanya adalah tertakluk ke atas budi bicara badan perundangan dan pemerintah sesebuah negara kerana tidak dinyatakan secara khusus berkenaan hukuman di bawah kategori takzir ini di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Skop kesalahan dan juga hukumannya juga adalah luas tidak kira sama ada melibatkan hak Allah seperti hukuman hudud atau melibatkan hak manusia seperti hukuman qisas.

Beberapa kesalahan takzir yang terdapat dalam autoriti dalil tetapi tidak disebut hukuman yang perlu dikenakan ke atas pelaku jika sabit kesalahan. Antaranya, jenayah melakukan riba: Mafhumnya: Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharahkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.

Terdapat hukuman-hukuman jenayah Islam yang telah digariskan oleh syarak menerusi sumber primer dan sumber sekunder iaitu al-Quran, al- Sunnah, al-Ijma, al-Qiyas, maslahah, istihsan, al-'uruf dan lain-lain sumber sekunder lagi yang digunakan terutamanya sumber sekunder yang tidak disepakati. Kesalahan- kesalahan jenayah Islam mempunyai tiga kategori iaitu hudud, qisas dan diyat serta hukuman takzir. Kesalahan di bawah kategori hudud dan qisas merupakan kesalahan yang telah termaktub dalam al-Quran dan juga al-Sunnah yang mestи ditunaikan kerana perlunasan hukuman itu bererti melunaskan hak Allah dan juga hak ke atas manusia. Hukuman takzir pula lebih luas pengaplikasian terhadap pelaksanaannya boleh diambil daripada hukuman kesalahan di bawah hudud dan qisas mengikut kesesuaian keadaan tempat, fenomena dan masa. Takzir ini adalah dilaksanakan oleh pemerintah sendiri, hukuman berdasarkan budi bicaranya atau prosedur yang telah ditetapkan oleh Mahkamah, kesalahan di bawah takzir juga adalah pelbagai dan selain daripada kesalahan qisas dan hudud, sebilangan kesalahan sahaja yang disebutkan dalam al-Quran dan al- Sunnah, hanya hukuman untuk dijatuhkan di dunia ke atas pelaku sahaja tidak diiringkan sekali, sekadar sebutan azab di akhirat.

## **KETETAPAN HUKUMAN BAGI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Jenayah adalah berasal dari perkataan Arab *jināyah* bagi jamak atau *jināyah* bagi frasa tunggal yang terbit daripada kata kerja *janna*, yajni yang membawa makna melakukan kesalahan. Jinayah adalah kata nama yang membawa maksud kesalahan yang dilakukan ke atas harta, maruah dan anggota. Menurut fuqaha jenayah adalah berbentuk pencerobohan terhadap anggota tubuh yang di bawah kesalahan qisas atau berbentuk denda, istilah ini lebih khusus berbanding takrif dari sudut bahasa (Zulkifli, 2017).

Konteks kesalahan jenayah Syariah adalah berkait dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh dikenakan hukuman oleh mana-mana undang-undang bertulis yang

telah menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun atau mana-mana prinsip agama Islam. Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa atas sabitan hukuman dan kesalahan jenayah Syariah di Malaysia (hidayat, 2017). Kesalahan-kesalahan jenayah Syariah ini bukan di bawah Kanun Kesejahteraan dan mana-mana undang-undang jenayah Sivil yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kesalahan-kesalahan jenayah Syariah adalah berupa kesalahan terhadap akidah, institusi agama, moral dan kesalahan matrimoni yang hanya melibatkan individu Muslim tidak kira seseorang individu merupakan warganegara Malaysia mahupun bukan warganegara tempatan.

Secara umum diketahui bahawa kesalahan jenayah Syariah dalam undang-undang Islam adalah empat kategori kesalahan jenayah Islam iaitu kesalahan hudud, qisas, diyat dan takzir (Zubaiddah, 2017). Walaubagaimanapun, peruntukan hukuman bagi kesalahan jenayah Syariah di Malaysia tidak mengikuti kategori sebagaimana demikian, kesalahan jenayah Syariah di Malaysia diperuntukkan mengikut enakmen khusus negeri-negeri. Adapun demikian, terdapat juga beberapa enakmen selain dari Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang memperuntukkan hukuman atau tindakan penalti atas pelanggaran peraturan yang tertakluk di bawah kuasa undang-undang negeri berkenaan dengan agama Islam sebagaimana diringkaskan dalam jadual di bawah:

Akta/Enakmen	Negeri
Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, Bil. 2, 1985	Kelantan
Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	Kelantan
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 1991	Sarawak
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Melaka
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992	Negeri Sembilan
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak 1992	Perak
Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1993	Perlis
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah 1988	Kedah
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996	Pulau Pinang
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001	Terengganu
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997	Johor
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995	Sabah
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor 1995	Selangor
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997	Wilayah Persekutuan

Selain daripada Akta dan juga Enakmen negeri-negeri yang telah dinyatakan di atas, Akta dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang melibatkan beberapa kesalahan berkaitan dengan kekeluargaan seperti perceraian di luar Mahkamah dikenakan penalti. Akta dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam juga mempunyai peruntukan kesalahan seperti bersekedudukan dengan perempuan tanpa ikatan nikah sah, mengajar agama tanpa tauliah dan beberapa kesalahan lain lagi,. Manakala Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam yang diwujudkan bagi menangani penyebaran agama selain daripada agama Islam dalam kalangan orang yang beragama Islam, hanya terdapat di negeri

Kedah, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang, Perak dan Melaka. Walaubagaimanapun Negeri Selangor dalam ruang lingkup objektif yang sama, mempunyai nama Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam). Negeri-negeri yang tidak disebutkan belum mempunyai sembarang peruntukan khusus berkenaan penyebaran agama selain Islam ini (Hidayat, 2017).

## **OBJEKTIF PENETAPAN HUKUMAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DAN JENAYAH ISLAM**

Hukuman-hukuman yang telah ditetapkan mempunyai objektif-objektif yang jelas bagi melindungi masyarakat daripada perlakuan jenayah dan menjamin hak keadilan kepada mangsa-mangsa.

### i. Mencegah

Penetapan sesuatu hukuman tidak kira apa juga bentuk dan jenis kesalahan yang dilakukan adalah untuk sememangnya diwujudkan bertujuan untuk mencegah seseorang daripada melakukan sesuatu kesalahan atau perbuatan jenayah, terutamanya si pelaku agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Secara tidak langsung hukuman yang telah dikenakan kepada pelaku akan membuatkan orang lain menghindari daripada melakukan kesalahan itu. Pencegahan ini adalah kerana penguatkuasaan hukuman sesuatu kesalahan itu adalah berhasil untuk menggerunkan masyarakat. Sesbuah ketamadunan negara adalah lahir daripada masyarakat yang mempunyai modal insan, tidak hidup dalam ketakutan dan berasa terancam. Pengajaran yang diambil melihat kepada hukuman itu ditentukan dapat mendidik dan memberi kesedaran kepada individu dan juga masyarakat.

### ii. Membetulkan fitrah manusia

Pemeliharaan fitrah yang dikurniakan oleh Allah kepada setiap manusia supaya bermuamalah dengan manusia, mengeratkan hubungan silaturahim, menjaga hubungan sesama manusia dan tidak melakukan kerosakan dan kejahatan. Fitrah manusia yang suka akan kecantikan dan kebaikan. Undang-undang yang direka tidak kira undang-undang melalui syariat Islam atau undang-undang rekaan manusia adalah bertujuan menjaga sifat semula jadi seseorang itu dan memperbetulkan kesilapan yang telah dilakukan oleh pelaku. Secara spesifiknya bagi kesalahan-kesalahan jenayah yang melibatkan hubungan seksual seperti liwat dan musahaqah dan juga kesalahan jenayah lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki adalah suatu perbuatan yang menyalahi fitrah semula jadi manusia. Bahkan menyalahi hukum alam, sifat luar tabi’ie ini hingga ada manusia yang bernafsu kepada haiwan, bayi kecil dan kanak-kanak. Kehadiran undang- undang Syariah dan undang-undang jenayah Islam lah memberi hukuman yang munasabah bagi kesalahan-kesalahan ini agar dapat memulihkan sifat seseorang itu daripada tersasar dan berterusan melakukan jenayah.

iii. Memberi balasan

Matlamat utama hukuman diberikan atas kesalahan jenayah yang telah dilakukan adalah untuk memberi balasan ke atas pelaku. Menurut undang-undang jenayah Islam, balasan tersebut adalah merangkumi balasan di dunia dan akhirat, bagi pelaku yang telah dihukum di dunia setimpal dengan kesalahannya misalnya hukuman potong tangan ke atas pencuri, maka pelaku tidak akan diazab di akhirat. Undang-undang jenayah Syariah pula adalah lebih kepada hukuman berbentuk takzir yang bergantung kepada ketetapan oleh pemerintah dan perundangan. Balasan hukuman itu dapat memberi keadilan kepada mangsa.

iv. Menjaga kemaslahatan umum

Pemerhatian yang mendalam terhadap penetapan hukuman bahawa undang-undang Syariah dan undang-undang jenayah Islam kedua-duanya menitikberatkan soal kemaslahatan. Bukan sahaja kemaslahatan individu, malah kemaslahatan awam. Contoh yang dapat dilihat adalah kesalahan zina, di mana perlakuan zina yang telah menyebabkan seseorang itu hilangnya kehormatan diri sendiri secara sukarela kerana nafsu yang tidak dapat dikawal itu, hukuman yang ditetapkan adalah menjaga masyarakat daripada jenayah zina berlaku secara berleluasa dan berlaku gejala sosial yang meruntuhkan akhlak yakni menjaga kemaslahatan secara umum. Kemaslahatan individu pula adalah ke atas pelaku itu sendiri daripada berlakunya kehamilan hasil persetubuhan dengan lelaki bukan mahram itu yang bakal membawa kepada permasalahan lain seperti kelahiran anak tak sah taraf dan pembuangan bayi. Impak penetapan sesuatu hukuman itu adalah jelas demi menjaga maslahah dan usaha menutup ruang rantaian jenayah lain.

## KATEGORI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Berdasarkan Akta dan juga Enakmen negeri-negeri yang telah dinyatakan, kesalahan-kesalahan jenayah Syariah boleh dikelaskan kepada beberapa kategori. Pengelasan setiap kategori ini adalah berpandukan kepada bentuk dan keadaan kesalahan sesuat perbuatan jenayah itu, tiada sebarang pengaitan dengan tahap hukuman sebagaimana kesalahan di bawah kategori hudud, qisas dan juga takzir. Umum mengetahui, Akta dan Enakmen-enakmen Kesalahan Jenayah Syariah mempunyai empat kategori dan satu kategori lain iaitu kategori am adalah berdasarkan peruntukan Enakmen selainnya. Antara kelima-lima kategori tersebut adalah sebagaimana berikut (Zubaidah, 2017).

### **Kategori 1: Kesalahan Berkaitan Akidah**

Kesalahan-kesalahan berkaitan ini adalah segala jenis kesalahan yang boleh menjelaskan akidah umat Islam seperti perbuatan pemujaan salah yang memuja selain Allah SWT, mengajar doktrin palsu, mengembangkan ajaran agama selain dari agama Islam sendiri, mendakwa diri sebagai Imam Mahdi, Nabi, Rasul, atau mendakwa mengetahui perkara-perkara yang di luar jangkaan pengetahuan manusia.

## **Kategori 2: Kesalahan Berhubung dengan Kesucian Agama dan Institusinya**

Di bawah kesalahan ini adalah kesalahan yang meruntuhkan kesucian agama Islam seperti menghina atau menyebabkan agama Islam itu dipandang hina, ayat al-Quran dan juga Hadis dipersendakan, mengingkari, menghina pihak berkuasa agama, melanggar perintah Mahkamah, mengajar agama tanpa tauliah, tidak menghormati bulan Ramadan, tidak menunaikan solat Jumaat, tidak mengeluarkan zakat atau fitrah, perbuatan berjudi, mengeluarkan pendapat yang berlawanan dengan fatwa, menerbitkan suatu terbitan mengenai agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak, menghasut seseorang mengabaikan kewajipan agama, minum minuman yang memabukkan dan beberapa lagi kesalahan yang meliputi hubungan dengan kemurnian dan kesucian agama Islam.

## **Kategori 3: Kesalahan Berhubung Dengan Tatasusila**

Kesalahan berkaitan dengan tatasusila ini adalah kesalahan yang melanggar kesusilaan dan kesopanan seperti perbuatan sumbang mahram, aktiviti pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, musahaqah, liwat, khawat, lelaki yang menyerupai wanita dan juga sebaliknya dan perbuatan tidak sopan di tempat awam. Tambahan bagi negeri Kelantan iaitu muqaddimah zina. Bagi negeri Perak, Kelantan dan Melaka disebutkan perbuatan hamil luar nikah, negeri Terengganu menambah perbuatan bersetubuh dengan objek selain manusia.

## **Kategori 4: Kesalahan Pelbagai**

Kesalahan pelbagai ini adalah kesalahan selain daripada kategori yang telah dijelaskan. Antara kesalahan yang diletakkan di bawah kategori kesalahan pelbagai ini adalah menggalakkan maksita, mencemarkan masjid, mengkafirkan orang Islam yang lain, memujuk lari perempuan yang telah bersuami, qazaf, memungut zakat atau fitrah tanpa kuasa, menyalahgunakan logo halal, menghasut sesebuah pasangan suami isteri bercerai, menghalang pasangan yang telah mendirikan rumah tangga daripada hidup bersama, menjual arak kepada orang bukan Islam dan juga mengabaikan kewajipan agama.

## **Kategori 5: Kesalahan Matrimoni dan Berkaitan dengan Akad Nikah**

Kesalahan kategori ini bukanlah merupakan kesalahan jenayah secara praktikalnya, tetapi dikenakan penalti dan melalui perbicaraan Mahkamah mengikut tatacara jenayah secara konsepnya. Kesalahan-kesalahan yang dimasukkan bawah kategori ini adalah diletakkan di bahagian ‘Penalti’ dalam Akta dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam seperti poligami tanpa kebenaran Mahkamah, berkelakuan tidak adil terhadap isteri mahupun isteri-isteri, melaksanakan akad nikah tanpa kuas, menganiaya isteri dan lain-lain kesalahan yang merangkumi takat kesalahan di bawah Undang-undang Keluarga Islam.

## **PERBEZAAN PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH MELIBATKAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA**

Peruntukan kesalahan jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia adalah berbeza kerana bidang kuasa pelaksanaan dan penguatkuasaan sesuatu hukuman itu terletak di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, dengan itu pengkaji akan membawakan perbezaan beberapa peruntukan jenayah Syariah beberapa buah negeri dari segi kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.

Kesalahan doktrin palsu adalah suatu kesalahan yang dilakukan oleh pelaku dengan mengajarkan ajaran yang didakwa ajaran Islam tetapi sebenarnya ajaran yang menyalahi akidah syariat Islam. Antara ciri doktrin palsu yang telah dikenal pasti oleh badan berkuasa jenayah Syariah seperti menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang dihalalkan oleh syariat Islam seperti persetubuhan dengan pasangan selain daripada pasangannya, melakukan ibadat tidak perlu secara amali, cukup sekadar berniat sahaja dan banyak lagi tipu daya yang cuba disuntik kepada orang awam dengan menggunakan agama yang boleh memesangkan akidah seseorang. Sabit kesalahan orang- orang yang mengajarkan doktrin palsu ini di Wilayah Persekutuan, seksyen 4 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan:

Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa- apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Negeri Pulau Pinang, Johor, Terengganu, Sarawak, Johor dan Selangor juga mengenakan hukuman sedemikian. Negeri Sabah tidak menggunakan istilah kesalahan ajaran salah yang memperuntukkan:

Sesiapa yang mengajar atau menjelaskan kepada seseorang atau mana-mana tempat awam sesuatu istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua- duanya sekali, dan segala dokumen bertulis dan barang yang berkaitan dengan ajaran salah itu hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah.

Seterusnya, peruntukan kesalahan berkaitan kesucian agama Islam dan institusinya seperti kesalahan tidak menghormati bulan Ramadan, tidak mengeluarkan zakat atau fitrah, tidak menuaikan solat Jumaat khususnya bagi lelaki, mengajar agama tanpa tauliah dan banyak lagi kesalahan jenayah yang berada di bawah kategori ini. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan kesalahan tidak menuaikan solat Jumaat di bawah seksyen 14:

Mana-mana orang lelaki, yang baligh, yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Terengganu menetapkan hukuman kesalahan yang sama iaitu apabila tiga kali didapati tidak menunaikan solat Jumaat, tetapi negeri Pahang memadai sekali sahaja untuk disabitkan kesalahan ke atas orang lelaki yang tidak solat Jumaat, bukan setelah tiga kali Jumaat dikenal pasti mengulangi kesalahan seperti dalam peruntukan:

Mana-mana lelaki, yang aqil baligh, yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat tanpa uzur syarie melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua- duanya.

Dalam kes Pendakwa Jenayah Kelantan lwn Zakaria bin Ramli dan lain-lain, kes pada tahun 1976 seramai tujuh orang telah didapati bersalah atas tuduhan meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali secara berturut-turut tanpa kebenaran Imam Tua atau Kadi Jajahan di mukim mereka dan didenda RM240 atau boleh dikenakan hukuman penjara selama dua bulan.

Kesalahan mengajar agama tanpa tauliah kini ibarat suatu fenomena di Malaysia yang semakin hari semakin ramai yang secara terang-terangan mengadakan ceramah tetapi tidak mempunyai sijil pentauliahan yang membolehkannya mengajarkan agama atau memberi ceramah secara awam. Orang yang menjemput mereka sewajarnya menyelidik latar belakang mereka terlebih dahulu, figura yang dikenali di sosial media tidak boleh menjadi tiket mereka untuk menyampaikan agama sewenangnya. peruntukan berkaitan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah ini disebutkan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992:

- (1) Mana-mana orang yang mengajar agama tanpa tauliah daripada Jawatankuasa Tauliah di bawah subseksyen 118(3) Enakmen Pentadbiran, kecuali kepada ahli-ahli keluarganya di tempat kediamannya sahaja, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan bolehlah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan di Sabah adalah seperti di bawah:

- (1) Sesiapa yang mengajar dan menyebar sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis melainkan dikecualikan oleh Majlis di bawah Enakmen ini, kecuali kepada ahli-ahli keluarganya di tempat kediamannya sahaja, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Melaka juga memperuntukkan perkara yang sama dengan Sabah menerusi seksyen 70 Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991. Namun di Pahang hukuman yang diperuntukkan adalah denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau hukuman penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.<sup>34</sup> Kes Pendakwa Hal Ehwal Agama Terengganu Iwn Abu Bakar Chik atas tuduhan memberi syaran agama di masjid tanpa kelayakan yang sah mengikut undang-undang. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM250 dan hukuman penjara sehari, jika tidak dapat melunaskan bayaran denda akan dihukum penjara selama 40 hari.

Berdasarkan peruntukan-peruntukan negeri-negeri bagi kesalahan mengajar agama tanpa tauliah ini, pelaku yang telah ditarik balik kelayakannya dan jika gagal mengembalikan tauliah tersebut boleh dihukum denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh enam bulan atau dikenakan kedua-duanya sekali, sebagaimana yang dinyatakan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Melaka juga mempunyai peruntukan berkenaan orang yang tidak menyerahkan kembali pentauliahan yang telah ditarik balik atau dibatalkan, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dihukum penjara tidak/melebihi enam bulan atau boleh dikenakan kedua-duanya sekali.<sup>37</sup> Sabah juga memperuntukkan sebagaimana demikian.

Beralih kepada kesalahan berhubung dengan tatasusila, kesalahan khalwat adalah satu kesalahan yang banyak berlaku dalam kalangan remaja mahupun golongan dewasa.

Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 menjelaskan bahawa:

Mana-mana-

- (a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya; atau
- (b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,  
di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak baha wa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Negeri Sabah, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Perlis, Kelantan dan Terengganu turut menetapkan perkara yang sama dalam peruntukkan masing-masing. Negeri Sembilan menamakan kesalahan khalwat ini dengan nama kesalahan percubaan persetubuhan haram seperti diperjelaskan berserta huraihan seperti berikut:

- (1) Mana-mana orang yang melakukan perbuatan percubaan persetubuhan haram adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Huraian 1 - Seseorang lelaki yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan atau berkurung atau bersembunyi yang mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat di mana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan mahramnya selain daripada isterinya adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Huraian 2 - Seseorang perempuan yang didapati bersekediaman atau bersekedudukan atau berkurung atau bersembunyi yang mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat di mana-mana tempat dengan seorang lelaki yang bukan mahramnya selain daripada suaminya adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Huraian 3 - Seseorang lelaki yang didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang perempuan yang bukan isterinya atau bukan mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang boleh mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

Huraian 4 - Seseorang perempuan yang didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang lelaki yang bukan suaminya atau bukan mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang boleh mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini.

- (2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana perempuan yang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini dimasukkan ke suatu pusat pemulihan akhlak selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun.

Melaka juga menggunakan istilah lain iaitu kesalahan bersekediaman di bawah seksyen 53 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991:

- (1) Seorang lelaki yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyian yang mendarangkan syak di mana-mana tempat dengan seorang perempuan yang bukan muhrimnya selain daripada isterinya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi dari dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.
- (2) Seseorang perempuan yang didapati bersekediaman atau berkurung atau bersunyian yang mendarangkan syak di mana-mana tempat dengan seorang lelaki yang bukan muhrimnya selain daripada suaminya adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.
- (3) Seorang lelaki didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang perempuan yang bukan isterinya atau bukan muhrimnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing dalam keadaan yang mendarangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak

melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-dua sekali.

- (4) Seseorang perempuan didapati bersama-sama dengan lebih daripada seorang lelaki yang bukan suaminya atau bukan muhrimnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah bilik pada mana-mana bangunan atau di tempat yang terasing di dalam keadaan yang mendatangkan syak bahawa mereka akan melakukan maksiat adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut bolehlah dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali.

Sebagaimana yang telah dibawakan sebelum ini, terdapat istilah yang berbeza yang diguna pakai oleh negeri-negeri tetapi masih mengindikasi ke atas satu kesalahan yang sama. Menerusi kes Mohd Ibrahim bin Mohd Sharif lwn. Pendakwa Syarie Pulau Pinang, pelaku telah ditangkap berdua-duaan dengan seorang wanita bukan mahramnya di dalam sebuah bilik di hotel. Dan telah disabitkan kesalahan di bawah seksyen 27(a) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996 dengan hukuman penjara tiga bulan atau denda sebanyak dua ribu ringgit. Walaupun rayuan dibawa ke Mahkamah Rayuan, rayuan tertuduh ditolak kerana Hakim dapati keputusan dibuat Mahkamah sebelum adalah berasas. Kes Pendakwa Syarie JAWI lwn Mior Ahmad Shafiq bin Johan & Noor Diana binti Mohammad Noor, kedua-dua tertuduh telah mengaku bersalah atas kesalahan khalwat dan masing-masing telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM2,500.

Di samping itu, kesalahan liwat iaitu kesalahan seksual oleh lelaki yang cenderung mempunyai perasaan terhadap jantina yang sama jenis dengannya dan melakukan hubungan seks. Definisi liwat ini turut diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai persetubuhan melalui dubur lelaki atau wanita yang bukan isterinya. Negeri Selangor menggunakan istilah liwat ini kepada seseorang lelaki atau perempuan yang melakukan hubungan seks dengan jantina yang sama. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan hukuman liwat dengan:

Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebantan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Peruntukan di atas adalah sama dengan peruntukan di negeri Selangor, Pulau Pinang, Johor, Kelantan dan juga Sarawak. Hukuman kesalahan liwat di negeri Sabah, Perlis dan Kedah turut mengaplikasikan penetapan hukuman yang sama dalam peruntukan negeri Melaka iaitu:

Mana-mana orang dengan sengaja melakukan liwat adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga puluh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

*Musahaqah* juga adalah merupakan kesalahan melakukan hubungan seks dengan sesama jantina, tetapi perempuan sahaja. Kesalahan *musahaqah* dan liwat adalah perbuatan yang bertentangan dengan fitrah manusia yang telah Allah ciptakan seperti peristiwa kaum Nabi Luth. Negeri Perlis memperuntukkan:

Mana-mana orang perempuan yang dengan sengaja melakukan *musahaqah* dengan perempuan yang lain adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Di Kedah pula:

Mana-mana orang perempuan yang dengan sengaja melakukan *musahaqah* dengan perempuan yang lain adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi empat bulan atau kedua-duanya.

Negeri Sarawak, Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan mempunyai peruntukan hukuman yang sama dengan negeri Terengganu. Peruntukan tersebut adalah:

Mana-mana orang perempuan yang melakukan *musahaqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Akhir sekali, pengkaji membawakan kesalahan murtad yang merupakan isu yang besar bagi umat Islam seisinya kerana agama Islam tidak boleh dibuat mainan untuk keluar dan masuk sewenangnya. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

- (1) Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Perkara 11 pula mengandungi peruntukan tentang kebebasan beragama:

- (1) Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan ugamanya.

Walaubagaimanapun, Perkara 11 (4) membatasi kebebasan beragama bagi umat Islam terutamanya:

Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau

menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti ugama Islam.

### **Syariah (Takzir) Terengganu 2001**

Dari segi undang-undang dan penetapan, tiada sebarang undang-undang secara jelas memperuntukkan bidang kuasa untuk melaksanakan sedemikian dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993 bagi Wilayah Persekutuan sebagai contohnya. Kesannya, terdapat banyak permohonan untuk keluar daripada agama Islam di Mahkamah. Antara negeri-negeri yang mempunyai peruntukan kesalahan keluar agama Islam adalah negeri Terengganu, Sabah, Melaka, Perak dan Kelantan.

Negeri Terengganu memperuntukkan:

Seseorang Islam yang mendakwa dirinya sebagai seorang bukan Islam untuk mengelakkan dirinya daripada diambil apa-apa tindakan di bawah Enakmen ini atau mana-mana Undang-Undang yang berkuat kuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Negeri Perak memperuntukkan kesalahan ini dengan istilah perkataan atau perbuatan murtad:

Seseorang Islam yang dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa juu pun, mengaku hendak keluar daripada Agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam adalah melakukan suatu kesalahan mempersendakan Agama Islam dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991 menetapkan hukuman kesalahan percubaan murtad dengan:

- (1) Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa juu pun, mengaku hendak keluar dari Agama Islam atau mengisyiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, Mahkamah hendaklah, jika berpuas hati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukar iktikad dan kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.

- (2) Jika seseorang yang telah diperintahkan supaya ditahan di bawah subseksyen (1)-
- (a) bertaubat dengan serta-merta, Mahkamah hendaklah, setelah mengesahkan taubatnya itu, membebaskan orang tersebut; atau
  - (b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada Mahkamah dan Mahkamah hendaklah memanggil orang itu dan setelah mengesahkan taubatnya itu, hendaklah membuat satu perintah untuk membebaskannya.<sup>52</sup>

Kes Roslinda Mohd Rafi lwn Ketua Pendaftar Muallaf Sabah bahawa pemohon membuat permohonan untuk keluar agama Islam dan membuang perkataan Islam dalam kad pengenalannya. Permohonannya telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah Sabah kerana alasan ingin berkahwin dan Mahkamah tidak berhak untuk memberikan seseorang yang beragama Islam untuk keluar daripada Islam, malah tidak dapat dikemukakan bukti bahawa beliau melakukan perbuatan yang jelas bahawa beliau telah murtad seperti dalam seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 2004 peruntukkan dalam mengenal pasti perbuatan dan perkataan ciri-ciri seseorang itu telah menzahirkan kemurtadan dirinya.

## **ANALISIS DAN DAPATAN PENETAPAN HUKUMAN BAGI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Senarai II, Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan kuasa pelaksanaan hukuman bagi kesalahan jenayah Syariah bahawa “penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu.” Dengan demikian, bidang kuasa diberikan sepenuhnya kepada Mahkamah Syariah melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 yang telah ditetapkan dalam seksyen 2 sebagaimana berikut (Zubaidah, 2017).

Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesebuah negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis: Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidak boleh dijalankan berkenaan dengan apa- apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman- hukuman tersebut.

Berdasarkan penyataan di atas, rangkuman bahawa hukuman penjara, denda dan sebat adalah tiga jenis hukuman yang diletakkan dalam Akta atau Enakmen-enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dan juga Enakmen-enakmen lain. Sehubungan dengan itu, kuasa menjatuhkan hukuman-hukuman tersebut adalah diberikan kepada Mahkamah Syariah. Semua kesalahan yang memperuntukkan hukuman denda, penjara atau sebat atau dua kombinasi dengan mana-

mana hukuman tersebut dimaktubkan dalam Akta atau Enakmen-enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Kadar hukuman juga adalah berbeza mengikut jenis kesalahan yang dilakukan.

Tambahan pula, masing-masing mempunyai elemen-elemen tersendiri berhubung kait dengan kesalahan-kesalahan yang berada di bawah Akta dan juga Enakmen Jenayah Syariah. Elemen-elemen ini yang membentuk kesalahan-kesalahan tersebut. Antara elemen yang diperlukan adalah elemen perbuatan. Apabila elemen perbuatan ini wujud, ia menjelaskan lagi keterlibatan pihak-pihak dengan kesalahan terkait.<sup>25</sup> Justeru, pembuktian elemen mens rea bagi hampir keseluruhan kesalahan jenayah Syariah adalah tidak diperlukan, tidak kira seseorang itu secara sengaja, atau tidak, berlaku atas kecuaian atau mempunyai niat melakukan kejahatan itu sendiri. Misalnya, seorang lelaki dan seorang wanita yang tiada sebarang ikatan yang sah berada di tempat yang tertutup. Memadai keberadaan mereka berdua untuk menimbulkan syak bahawa mereka melakukan perbuatan yang menyalahi syarak sebagai elemen khalwat. Maka, kecenderungan perbuatan sedemikian bahawa mereka melakukan sesuatu kesalahan yang melanggar undang-undang. Liabiliti jenayah Syariah dengan demikian melihat kepada sejauh mana perbuatan dan keadaan pelaku itu boleh membuktikan.

Seperti mana yang telah dijelaskan bahawa terdapat tiga bentuk hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan jenayah Syariah di Malaysia, Walaubagaimanapun hukuman denda dan penjara sahaja yang acapkali dikenakan ke atas pelaku kesalahan jenayah Syariah.<sup>26</sup> Bagi hukuman penjara, tempoh maksimum sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 adalah tidak melebihi tiga tahun tempoh pemenjaraan. Kebiasaan Mahkamah yang menjatuhkan hukuman penjara akan menetapkan tempoh pemenjaraan dengan kesalahan yang disabitkan ke atas pelaku mengikut budi bicara hakim. Penetapan tempoh ini boleh dilihat bermula dari tarikh sama ada tarikh hukuman itu dikenakan ke atas pelaku atau bermula pada tarikh pelaku itu ditangkap. Kegagalan membayar denda atau tidak mampu membayar denda juga boleh dikenakan hukuman penjara, kategori ini adalah kaedah pemenjaraan seperti yang dinyatakan oleh seksyen 122 (b)(i) dan (ii) Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Selain itu, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah bagi negeri-negeri, kesalahan-kesalahan seksual seperti zina, mukadimah zina, perbuatan sumbang mahram, pelacuran, mucikari, liwat dan musahaqah telah memperuntukkan hukuman sebatan. Begitu juga kesalahan minum minuman yang memabukkan dan kesalahan menyebarkan doktrin palsu. Namun, pelaksanaan hukuman sebat ini hanya negeri Kelantan sahaja yang menjalankan berpandukan Kedah Hukuman Sebat Kelantan 1987. Hukuman sebat diguna pakai oleh negeri Kelantan pada hari ini adalah mengikut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 yang telah dimasukkan peruntukan hukuman sebat didalam enakmen tersebut. Negeri-negeri lain seperti Perak, Pahang, Sabah, Wilayah Persekutuan dan Johor mempunyai peruntukan berkenaan hukuman sebat yang berada di bawah Enakmen Prosedur Jenayah Syariah negeri masing-masing tetapi pelaksanaan hukuman belum lagi dilakukan.

Tafsiran hukuman sebat, alat yang digunakan untuk menyebat, tempat dan masa sebatan dilakukan, saksi-saksi, tempoh dalam menjalankan hukuman sebat, pakaian, keadaan pelaku kesalahan itu, dan pemeriksaan oleh pegawai perubatan serta pukulan sebat ke atas pesalah yang dikenakan hukuman sebatan ringan adalah antara peruntukan berhubung kait dengan hukuman sebatan. Pelaku kesalahan yang dikenakan hukuman sebat ke atasnya tetapi

merupakan penghidap penyakit kronik diberikan pengecualian daripada hukuman sebat sebagaimana yang tertakluk di bawah seksyen 125 dan 126 Akta dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri. Pesalah wanita dan pesalah yang berusia melebihi 50 tahun ke atas juga berada dalam pengecualian hukuman tersebut berpandukan seksyen 291 (1) Kanun Prosedur Jenayah. Justeru, hukuman sebat tidak dikenakan bagi pesalah wanita dan pesalah yang telah lanjut usia. Hukuman sebat ini hanya boleh dijatuhkan secara bersama dengan hukuman penjara atau sebaliknya menurut seksyen 125(4) Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 yang memperuntukkan:

Dalam hal pesalah itu dihukum sebat sahaja, maka hendaklah diperlakukan seolah-olah dia dihukum dengan hukuman pemenjaraan sehingga hukuman itu dilaksanakan. Di samping itu, diketahui umum bahawa hukuman denda adalah hukuman yang lazim dalam mana-mana kebanyakan kesalahan. Hukuman denda adalah sama ada sekadar bayaran denda atau hukuman yang dijatuhkan sekali dengan hukuman penjara. Jumlah maksimum bayaran denda dikenakan adalah lima ribu ringgit. Jumlah bayaran denda yang dikenakan adalah ditentukan oleh hakim prosiding bergantung pada budi bicaranya berdasarkan faktor-faktor seperti jenis pekerjaan, kestabilan ekonomi pelaku, jumlah tanggungan pelaku dan sebagainya. Objektif hukuman denda adalah mendatangkan keinsafan buat pelaku dengan denda yang berpatutan mengikut kesalahan yang telah dilakukan, dan tidak diambil mudah jika terlalu rendah dendanya.

Kaedah pembayaran denda turut bergantung kepada budi bicara Mahkamah. Tempoh membuat pembayaran akan diberikan kepada pelaku atau Mahkamah mengarahkan bayaran dibuat secara ansuran atau mengeluarkan waran untuk melevikan jumlah bayaran denda melalui distress dan penjualan apa-apa harta milik pelaku atau Mahkamah memerintahkan hukuman penjara atas kegagalan atau ketidakpatuhan melunaskan bayaran denda tersebut seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 122 (1)(a) Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

## KESIMPULAN

Kuasa penggubalan undang-undang jenayah Syariah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri sebagaimana yang termaktub dalam Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan. Ketidakseragaman peruntukan negeri-negeri adalah hakikat yang perlu diterima sementelah ia berhubung rapat dengan kuasa Raja sebagai pemerintah dan pemilik kuasa berkenaan agam negeri-negeri. Pun begitu, ketidakseragaman ini masih memerlukan penambahbaikan dari segi keselarasan. Selain itu, undang-undang jenayah Syariah di Malaysia adalah cakupan kategori hukuman di bawah takzir. Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah agak terhad berbanding sivil dan hukuman maksimum pula adalah tidak melebihi lima ribu ringgit denda, penjara tidak melebihi tempoh tiga tahun dan sebatan tidak melebihi enam kali. Hukuman bagi setiap kesalahan adalah berdasarkan kombinasi mana-mana

hukuman tersebut. Ini adalah hasil pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984.

Melalui kajian ini, satu perbandingan berkenaan penetapan hukuman undang-undang jenayah Syariah di Malaysia dan juga undang-undang jenayah Islam telah dibuat. Sejajar dengan itu, kajian ini juga membentulkan salah tanggapan tentang konsep penetapan dan pelaksanaan hukuman yang dianggap tidak berpotensi untuk memberi keadilan berbanding undang-undang jenayah Islam sebenar serta membidas dakwaan undang-undang jenayah Islam bersifat zalim dan kejam. Walaupun undang-undang jenayah Syariah yang diperlukan di Malaysia belum lagi dapat mencapai tahap kesamaan sebagaimana undang-undang jenayah Islam, namun usaha murni dalam menambahbaik peruntukan sedia ada oleh pihak penggubal dan pelaksana wajar mendapat respons positif.

## RUJUKAN

- Abd. Aziz Dahlan. (1996). *Ensiklopedia Hukum Islam*, 2. 172. Jakarta: Ikhtiar Baru Van Hoeve
- Abdul Ghani Azmi Idris. (1997). *Mengenal Qanun Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Ahmad Hidayat Buang. (2007). *Undang-undang Islam di Malaysia Prinsip Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim. (1981). *Perundangan Islam Malaysia: Dasar dan Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur Islamic Research Institute. hlm 71-72.
- al-Asqalani, Ibn Hajar. (1998). *Fath al-Bārī*. Dar al-Hadis
- al-Asqalani, Ibn Hajar. (2009). *Fath al-Bārī Syarah Sahih al-Bukhāri*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Bahnasi, Ahmad Fathi. (1983). *Al-Siyāsah al-Jinā'iyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Baihaqi, Abu Bakar. (t.t). *Sunan al-Baihaqi*, 8. Beirut: Matba' al-Imam
- al-Buti, Said Ramadan. (1982). *Dawabi' al-Maslalah fi al-islam*. Beirut: Mu'assasat al- Risalah
- Daud Muhammad. (2015). Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah: Satu Penghayatan Semula. *Jurnal Kanun*. Jil. 27
- Daud Muhammad. (2015). Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah: Satu Penghayatan Semula. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisar Ananda Arfa. (2014). Denda sebagai Alternatif Hukuman (Kajian Hukum Islam Kotemporer). *Analytica Islamica*, 3(1) 61-72.
- al-Ghazali, Abu Hāmid Muhammad bin Muhammad. (1997). *al-Mustasfā min 'Ilm al- Usūl*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. (2005). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-kes Jenayah Syariah, *Ulum Islamiyyah Journal*,12.
- Kamus Dewan*, Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. (2004). Siyāsah Syari'iyyah dalam Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam. *Jurnal Syariah*,12(1). 89-100

- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2000). Bidangkuasa dan Kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia Pasca Alaf 20: Ke Arah Mana. *Jurnal Syariah*. 8(2).
- Mohd Azam Hamzah & Md. Akhir Yaacob. (1986). *Falsafah dan Prinsip Perundangan Islam*. Selangor: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Musa Awang. (2015). Dimanakah Kita dalam Pemantapan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah. *Jurnal Kanun*. 27(1)
- Siti Zubaidah Ismail. (2005). *Undang-undang Jenayah Islam dan Pelaksanaan Jenayah Syariah di Malaysia. Mahkamah Syariah di Malaysia Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Sulaemang L. (2015). Pelaksanaan Hukum Mati: Kajian Hadis Hukum Riwayat Abdullah bin Mas'ud. *Jurnal al-Mizan*, 11.
- al-Syafi'ie, Muhammad bin Idris. (t.t). *al-Risālah*. Beirut: Dar al-Ktub al-'Ilmiyyah.
- al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. (1997). *Al-Muwaffaqāt*, 5. 194. Khubar: Dar Ibn'Affan.
- al-Zarkasyi, Muhammad bin Abdullah. (2007). *Al-Bahr al-Muhit fi Usūl al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Zuhayli, Wahbah. (2001). *Fiqh Perundangan Islam*, 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Hassan. (2008). *Kedudukan Mazhab dan Isu Tuduhan Liwat dan Qazaf Menurut Perspektif Undang-undang*.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2017). *al-Fiqh al-Manhaji Wasiat dan Jenayah dalam Fiqh al-Syaf'i*. Selangor: Darul Syakir Enterprise